

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NATION

6 Nation

THE STAR, THURSDAY 8 MAY 2025

The Star m/s 6 Nation 8/5/2025 (Khamis)

Increase training capacity to resolve shortage, say experts

PETALING JAYA: Authorities must act decisively by expanding specialist training programmes and offering better incentives to address the ongoing shortage of medical professionals, experts say.

Malaysian Association for Thoracic and Cardiovascular Surgery honorary secretary Prof Dr John Chan Kok Meng said specialist training was previously confined to universities through their Masters programmes.

"However, the universities and university teaching hospitals have limited capacity.

"The amendment to the Medical Act 1971 last year now permits the Health Ministry to offer specialist training in its hospitals via a parallel pathway, significantly increasing the country's training capacity," he said yesterday.

"The Malaysian Medical Council can now recognise specialists trained elsewhere, providing flexibility in registering specialists and moving beyond the previous restrictive list."

Prof Dr John Chan Kok Meng

Despite this progress, Dr Chan expressed concern that the amended Medical Act has yet to be enforced, highlighting the urgency of its implementation.

"Until last year, the criteria for specialist registration were also very restrictive. In cardiothoracic surgery, for example, only four

qualifications were recognised – one each from the United States, Canada, the United Kingdom and Australia.

"Without one of these qualifications, practising as a specialist in cardiothoracic surgery in Malaysia was impossible," he said.

Fortunately, the amendment to the Medical Act 1971 has expanded this list.

"Now, eight qualifications in cardiothoracic surgery are recognised.

"More importantly, the Malaysian Medical Council can now recognise specialists trained elsewhere, providing flexibility in registering specialists and moving beyond the previous restrictive list," Dr Chan added.

Private Hospitals Malaysia Association president Datuk Dr Kuljit Singh said private hospitals experience varied demands for specialists, influenced by location and the type of specialities offered.

"Some private hospitals are multi-discipline, while others are more general, affecting their staffing needs.

"By law, hospitals must have at least one full-time specialist to offer specific services," he explained.

This requirement can lead to shortages if hospitals aim to expand their services.

Dr Kuljit said, unlike private hospitals, the government was obligated to provide comprehensive healthcare services and is more acutely aware of areas with specialist shortages.

To fulfil the demand for medical specialists in the government sector, he suggested intensifying and refining specialisation programmes.

Additionally, Dr Kuljit proposed offering incentives to entice Malaysian specialists working abroad to return home and contribute to the healthcare system.

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NATION

capacity, he said yesterday.

surgery, for example, only four said.

ing needs.

system.

the star m/s 6 Nation 8/5/2025 (Khamis)

'Specialists needed in all areas'

Stakeholders say key obstacles remain in increasing number in the country

By DIYANA PFORDTEN
and RAHIMY RAHIM
newsdesk@thestar.com.my

PETALING JAYA: The persistent shortage of medical specialists in the country needs to be urgently addressed, say stakeholders.

With the Health Ministry's target of 28,000 specialists by 2030 looking increasingly unattainable, they say there is a need to increase the number, especially in fields such as cardiothoracic surgery and emergency medicine.

As it stands, there are about 9,000 specialists serving in the Health Ministry.

President of the College of Emergency Physicians at the Academy of Medicine Datuk Dr Alzamani Mohammad Idrose voiced concern over the lack of emergency physicians (EP) in the country.

He said Malaysia falls short of international benchmarks, having only one EP per 50,000 people, compared to the global standard of one per 20,000.

"The ideal EP-to-patient ratio in emergency departments is 1:3,000, as seen in developed countries like Australia and Canada. Singapore maintains a ratio of 1:2,500, whereas Malaysia's stands at 1:5,000," he added.

In March, the College of Emergency Physicians, in a statement, emphasised the critical role EPs play in healthcare systems, noting their expertise in addressing emergency medical issues across all disciplines.

"EPs are not only clinicians but also leaders, educators and advocates who strive to improve patient outcomes and strengthen health systems globally," the college said.

The statement also outlined the roles played by EPs, such as managing emergencies from various disciplines, including heart attack, stroke, diabetic ketoacidosis and renal failure, as well as ensuring systematic triage for critical, semi-critical and non-critical cases.



More needed: As of last year, about 8,000 specialists were employed by the Health Ministry. Stakeholders, however, say there is an urgent need to increase that number especially in fields like cardiothoracic surgery and emergency medicine. — MUHAMAD SHAHRIL ROSLI/The Star

The statement added that certain EPs develop subspecialties through additional training in areas like Emergency Critical Care, Trauma, Pre-hospital Care, Disaster Medicine, Toxicology and Paediatrics Emergency Medicine.

To increase the number of specialists, including EPs, Dr Alzamani suggested extending local specialisation programmes to more public universities beyond the current four: Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) and Universiti Teknologi Mara (UiTM). Malaysian Association for Thoracic and Cardiovascular Surgery honorary secretary Prof Dr John Chan Kok Meng said there is a need to increase specialists in all areas.

"While those addressing

life-saving conditions are crucial, specialists who manage risk factors for severe conditions are equally important," he said when contacted yesterday.

Based on the association's workforce planning and projections for cardiothoracic surgery, Chan said more than 40 additional cardiothoracic surgeons are needed in the next five years.

"Our projections indicate we can meet the necessary number of cardiothoracic surgeons to manage existing centres by 2027. However, additional specialists will be needed if the number of centres increases," he added.

However, he noted some key obstacles in specialist training.

The 14 newly-qualified cardiothoracic surgeons from 2022-2024 are yet to be registered as specialists by the Malaysian Medical Council, pending the enforcement

of the amended Medical Act 1971, which Parliament passed last year.

Dr Chan also noted the limitations in training new surgeons.

"An experienced cardiothoracic surgeon can train only one or two doctors at a time. This involves imparting technical surgical skills, supervising surgeries and transferring clinical knowledge and judgment," he said.

The Health Ministry had, last month, announced several initiatives to address the shortfall of specialists, including the restructuring of medical officer positions and creating a parallel pathway programme.

Another discipline where a shortage of specialists has been reported is the field of oncology, where ministry data showed there were only about 175 cancer specialists in the country.

Severe shortage of specialists have also been reported in the fields of forensic pathology, family medicine, urology, general surgery, paediatric surgery, plastic surgery, neurosurgery and psychiatry among others.

Deputy Health Minister Datuk Lukanisman Awang Sauni had said that Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim's approval to add 800 specialists annually since 2023 could help meet the demand for medical specialists.

"At the same time, we have also amended the Medicines Act 1971 by creating a parallel pathway programme to create more specialists through this alternative route.

"Currently, we have around 692 specialists using the parallel pathway and also 6,211 medical officers undergoing specialist training," said Lukanisman.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : NEGARA

Kosmo m/s 8 Negara 8/5/2025 (Khamis)

KKM diminta teliti isu libatkan Akta 723

- **PM mahu perkara dibangkit pengamal perubatan swasta dijelaskan segera**
- **Ini berikutan bantahan wajikan klinik swasta pamer harga ubat**

Oleh KAMARIAH KHALIDI

PUTRAJAYA – Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim meminta Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad untuk segera meneliti isu-isu yang dibangkitkan pengamal perubatan swasta (GP) susulan pelaksanaan Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 (Akta 723).

Menteri Komunikasi, Datuk Fahmi Fadzil berkata, isu itu merupakan antara perkara dibincangkan oleh Jemaah Menteri dengan Perdana Menteri telah mendapatkan penjelasan daripada Dr. Dzulkefly berhubung perkara berkenaan.

"Apa yang dibangkitkan adalah melibatkan penggunaan Akta 723 yang berada di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).

"Ada dalam kalangan doktor (GP) yang bertanya kenapa akta tersebut digunakan dan bukan Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 (Akta 586). Jadi, Perdana Menteri telah meminta supaya perkara ini segera dijelaskan," katanya di sini semalam.

Semalam, kira-kira 200 doktor

dan pengamal perubatan berhimpun di Laman Perdana berhampiran Bangunan Perdana Putra bagi menunjukkan bantahan terhadap pelaksanaan Akta 723 yang mewajibkan klinik swasta dan farmasi mempamerkan harga ubat-ubatan.

Mereka mula berhimpun kira-kira pukul 9.30 pagi sebelum 10 daripada peserta diketuai wakil Persatuan Perubatan Malaysia (MMA), Datuk Dr. R. Thirunavukarasu menyerahkan dokumen memorandum.

Antara tuntutan komuniti GP itu adalah untuk menyemak semula Akta 723, dengan meletakkan profesion perubatan sepenuhnya di bawah Akta 586 yang dilihat memadai untuk mengawal selia amalan perubatan dan perkhidmatan kesihatan swasta.



FAHMI pada sidang akhbar mingguan di Putrajaya semalam. – FAISOL MUSTAFA

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : DALAM NEGERI

Utusan Malaysia m/s 3 D/Negeri 8/5/2025 (Khamis)

PM mahu isu Akta 723 dibangkitkan GP diteliti

Oleh KAMARIAH KHALIDI
utusannews@mediamaila.com.my

PUTRAJAYA: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim meminta Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad untuk segera meneliti isu-isu yang dibangkitkan oleh pengamal perubatan swasta (GP) susulan pelaksanaan Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 (Akta 723).

Menteri Komunikasi, Datuk Fahmi Fadzil berkata, isu tersebut merupakan antara perkara yang dibincangkan menerusi mesyuarat Jemaah Menteri hari ini, dengan Anwar telah mendapatkan penjelasan daripada Dzulkefly berhubung perkara berkenaan.

"Apa yang dibangkitkan adalah melibatkan penggunaan Akta 723 yang berada di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).

"Ada dalam kalangan doktor (GP) yang bertanya kenapa akta tersebut digunakan dan bukan Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 (Akta 586). Jadi, Perdana Menteri telah meminta supaya perkara ini segera dijelaskan,"



“
Ada dalam kalangan
dokter (GP) yang bertanya
kenapa akta tersebut
digunakan dan bukan
Akta Kemudahan dan
Perkhidmatan
Jagaan Kesihatan
Swasta 1998
(Akta 586).”

FAHMI FADZIL

katanya menerusi sidang akhbar mingguan di sini semalam.

Semalam, kira-kira 200 doktor dan pengamal perubatan berhimpun di Laman Perdana berhampiran Bangunan Perdana Putra bagi menunjukkan bantahan terhadap pelaksanaan Akta 723 yang mewajibkan klinik swasta dan farmasi memamerkan harga ubat-ubatan.

Kumpulan tersebut mula

berhimpun kira-kira pukul 9.30 pagi sebelum 10 daripada peserta diketuai wakil Persatuan Perubatan Malaysia (MMA), Datuk Dr R Thirunavukarasu memasuki Bangunan Perdana Putra untuk menyerahkan dokumen memorandum.

Antara tuntutan komuniti GP itu adalah untuk menyemak semula Akta 723, dengan meletakkan profesion perubatan

sepenuhnya di bawah Akta 586 yang dilihat memadai untuk mengawal selia amalan perubatan dan perkhidmatan kesihatan swasta.

Mengulas lanjut, Fahmi yang juga jurucakap kerajaan berkata, Jadual Ketujuh dalam Akta 586 yang mengawal selia caj perundingan dan caj tatacara bagi GP di klinik perubatan swasta akan dikaji, dengan Dzulkefly memaklumkan bahawa kertas Jemaah Menteri sedang disiapkan.

"Menteri Kesihatan telah memaklumkan bahawa persiapan kertas Jemaah Menteri telah dibuat dan dalam edaran, jadi kita jangka dalam tempoh satu atau pun dua minggu, hal ini akan dibawa semula ke Jemaah Menteri untuk diputuskan," ujarnya.

Pada 3 Mei, media melaporkan Kementerian Kesihatan (KKM) memberi jaminan bahawa semakan kadar yuran perundingan pegawai perubatan am (GP) swasta, akan dimuktamadkan dalam tempoh sebulan.

Dzulkefly dilaporkan berkata untuk itu, Memorandum Jemaah Menteri dan surat pekeliling telah disediakan dan dijangka dibentangkan dalam tempoh yang sama.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 9
RUANGAN : NASIONAL

TELUS & TULUS • MATA DAN TELINGA RAKTAT • PENALU PERUBAHAN

Sinar Harian m/s 9 Nasional 8/5/2025 (Khamis)

KHAMIS 8 MEI 2025 • SINAR HARIAN

PM arah Menteri Kesihatan teliti isu penggunaan Akta 723 terhadap GP



PUTRAJAYA - Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengarahkan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad untuk segera meneliti isu yang dibangkitkan oleh pengamal perubatan swasta (GP) berhubung pelaksanaan Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 (Akta 723).

Menteri Komunikasi merangkap Jurucakap Kerajaan Madani, Datuk Fahmi Fadzil berkata, perkara itu dibincangkan dalam mesyuarat Kabinet pada Rabu dan Perdana Menteri telah mendapatkan penjelasan daripada Dr Dzulkefly.

"Apa yang dibangkitkan melibatkan penggunaan Akta 723 yang berada di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).

"Terdapat dalam kalangan doktor (GP) yang bertanya mengapa akta tersebut digunakan dan bukannya Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 (Akta 586). Jadi, Perdana Menteri telah meminta supaya perkara ini segera dijelaskan," katanya dalam sidang akhbar minggu ini di sini pada Rabu.

Pada Selasa, lebih 300 GP mengadakan perhimpunan aman berhampiran Bangunan Perdana Putra di sini bagi membantah penggunaan Akta 723 terhadap profesion perubatan.

Mereka menuntut supaya akta itu disemak semula dan bidang perubatan dikawal sepenuhnya di bawah Akta 586 yang disifatkan lebih sesuai untuk menyelia amalan serta perkhidmatan kesihatan swasta.

Fahmi berkata, Jadual Ketujuh dalam Akta 586 yang menetapkan caj perundingan dan tatacara klinik swasta akan dikaji semula dan Dr Dzulkefly memaklumkan kertas Jemaah Menteri berhubung perkara itu sudah disiapkan.

"Dalam satu atau dua minggu lagi, ia dijangka dibawa semula ke Kabinet," jelasnya.

Sebelum ini, media melaporkan Jadual Ketujuh itu belum pernah dipinda sejak digazetkan pada 2006. - Bernama



FAHMI

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NASIONAL

Sinar Harian M/S8 Nasional 8/5/2025 (Khamis)

Hak pengguna dapatkan maklumat

PPIM, Fomca senada bantah tindakan doktor swasta pamer harga ubat

Oleh NURHIDAYAH HAIROM dan AZLEENDA SAHALUDIN SHAH ALAM



NADZIM



NUR ASYIKIN

Tindakan sekumpulan doktor yang membantah peraturan mewajibkan klinik swasta dan farmasi mempamerkan harga ubat-ubatan ibarat menafikan hak pengguna untuk mendapatkan maklumat.

Ketua Aktivis Persatuan Pengguna Malaysia (PPIM), Datuk Nadzim Johan berkata, tiada sebab untuk pihak terlibat tidak mahu mempamerkan harga kerana setiap jualan termaktub di bawah Perintah Kawalan Harga dan Antipencatutan (Penandaan Harga Bagi Ubat) 2025, mengikut Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 (Akta 723).

Menurutnya, pengguna juga mempunyai hak untuk membuat pilihan berdasarkan maklumat yang diperolehi.

"Apa masalahnya tidak mahu pamer harga ubat? Sebab semua pelanggan nak tengok (harga). Kalau saya sendiri pun nak tahu harga, nak pastikan ada duit atau tidak untuk buat bayaran nanti."

"Jadi, kita pun boleh tengok klinik lain kalau lebih murah. Hak pengguna untuk mendapatkan maklumat. Kalau pengguna nak pilih, dia boleh pilih. Dia (doktor) nak terasa itu soal lain," katanya kepada *Sinar Harian* pada Rabu.

Beliau mengulas gesaan Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) agar kerajaan tidak me-



LAPORAN MUKA DEPAN

nyamakan perkhidmatan profesional dengan penjualan barangan di kedai runcit.

Presiden baharu MMA, Datuk Dr R Thirunavukarasu mahu kerajaan mempertimbangkan untuk menggunakan Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (Akta 586) kepada profesion perubatan bukan Akta 723.

Sementara itu, Ketua Pegawai Operasi Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (Fomca), Nur Asyikin Aminuddin juga senada menegaskan, isu perdagangan merupakan di bawah bidang kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).

Jelas beliau, penguatkuasaan

peraturan pemaparan harga ubat meliputi perlindungan pengguna dan anti-pencatutan, tidak melibatkan tadbir urus klinikal.

"KPDN merupakan Kementerian bertanggungjawab untuk mengawal selia perkara ini."

"Walaupun Kementerian Kesihatan pakar dalam bidang klinikal dan kesihatan awam, tetapi ia tidak disusun secara berstruktur untuk bertindak sebagai pengawal selia dalam isu harga atau perdagangan," ujarnya.

Tegas beliau, salah satu prinsip perlindungan pengguna yang paling penting di Malaysia ialah tiada profesion yang boleh dikecualikan daripada faktor ketelusan dan harga yang adil.

Katanya, meskipun me-

mahami kebimbangan dibangkitkan badan profesional perubatan khususnya berkaitan bebanan operasi dan kos yang dikawal selia, ia mesti ditimbang tara dengan hak asasi seorang pengguna iaitu hak untuk mendapatkan maklumat harga dengan jelas sebelum membuat keputusan kewangan.

"Kadar inflasi perubatan di Malaysia telah melebihi kadar global. Salah satu punca kenaikan inflasi perubatan termasuklah harga ubat yang tidak telus."

"Perkara lain yang jadi punca kenaikan inflasi perubatan akan turut diberi perhatian tetapi kita mulakan dengan perkara paling asas iaitu pemaparan harga ubat," tambah beliau.

Pelaksanaan Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 (Akta 723) tidak bertujuan menekan atau menjejaskan operasi pengamal perubatan swasta.

AKHBAR : THE SUN
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : NATIONAL

the sun m/s 3 National 8/5/2025 (Khamis)

'Medicine price display promotes transparency'

KUALA LUMPUR: The implementation of the medicine price display rule for private healthcare facilities and pharmacies not only protects consumer rights but also allows insurance companies to compare medicine prices.

International Medical University Health Economics, Policy and Management professor Datuk Dr Syed Mohamed Aljunid Syed Junid said this would allow insurance providers to make fairer comparisons and engage in more transparent negotiations with panel health facilities while fostering more affordable and competitive pricing in the market.

"This move is one of the key building blocks in transforming the

➤ Initiative vital for nation's healthcare system, particularly to address rising costs and ensure access to quality medicines at reasonable prices, says academic

country's healthcare system, particularly in addressing rising health inflation and ensuring access to quality medicines at reasonable prices.

"The transparency of the price display makes regulation easier as there are clinics that may mark up prices unreasonably.

"This allows insurance companies to investigate, analyse

and take appropriate action when processing patient claims for treatment at private hospitals or clinics," he said when appearing as a guest on the *Temu Bual Radio* programme aired on Bernama Radio on Tuesday.

Syed Mohamed Aljunid said the medicine price display initiative was introduced to improve transparency in medicine pricing,

enabling consumers to make informed and smarter decisions when purchasing medicines, Bernama reported.

"Consumers can now view medicine prices before making a purchase, helping to prevent hidden costs or excessive pricing."

In response to concerns that the initiative may affect private medical practitioners or GPs, Syed Mohamed Aljunid said it is not intended to disrupt GP services or their operating models.

"What the government is doing is ensuring that medicine prices are displayed, not controlling them. Private facility doctors can set the prices they deem appropriate.

"The government does not set prices."



The medicine price display ruling enables consumers to check medicine prices before making a purchase, helping to prevent hidden costs or excessive pricing, says Syed Mohamed Aljunid. — ADIB RAWI YAHYA/THESUN

Carnival offers 10,000 high-profile jobs

KUALA LUMPUR: Over 10,000 high-profile jobs will be offered at the MYFutureJobs 2025 Premium Carnival, organised by the Social Security Organisation (Socso), which will be held this weekend at the Kuala Lumpur Convention Centre.

In a statement yesterday, Socso said the two-day carnival would feature leading companies, offering over 70% executive-level positions, making it a strategic platform for graduates and professionals seeking to advance their careers.

Among the key participating employers are Bank Negara Malaysia, Employees Provident Fund, CIMB, Petron Malaysia, Malaysia Aviation Group, PwC, KPMG, Deloitte, Proton and the Malaysian Communications and Multimedia Commission.

"One of the main highlights of this premium edition is that some positions offer salaries of up to RM16,000 per month.

"This premium career carnival is specially designed to connect top local talent with the nation's leading employers, providing job seekers with opportunities for on-the-spot interviews and immediate job offers.

AKHBAR : THE SUN
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : NATIONAL



AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : DALAM NEGERI



AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 19
RUANGAN : GAYA

Utusan Malaysia M/s 19 Gaya 8/5/2025 (Khamis)

Bengkak sendi, ruam antara simptom autoimun kanak-kanak

Oleh INTAN SUHANA CHE OMAR
intan.suhana@mediamula.com.my

APABILA membicarakan mengenai artritis atau lupus, ramai yang mengaitkan penyakit itu dengan orang dewasa.

Namun, penyakit itu tidak asing dalam kalangan kanak-kanak dengan sebilangan kecil golongan itu disahkan menghidap penyakit autoimun seperti Arthritis Idiopatik Juvenil (JIA) atau Lupus Erythematosus Sistemik (SLE).

Perunding Pediatrik dan Reumatologi Pediatrik Pusat Perubatan ParkCity, Dr. Lim Sern Chin berkata, penyakit kronik itu menjejaskan kehidupan golongan muda.

"Penyakit autoimun dalam kalangan kanak-kanak memang jarang berlaku.

"Tetapi apabila terjadi, boleh merangkumi kes yang akut dan terhad kepada satu sistem, sehinggalah kepada keadaan yang kronik dan melibatkan pelbagai sistem badan," katanya.

Penyakit autoimun berlaku apabila sistem imun badan tersilap menyerang tisu sendiri.

Bagi kanak-kanak, keadaan yang biasanya terjadi adalah Henoch-Schonlein Purpura (keradangan saluran darah yang menyebabkan ruam pada kulit dan masalah buah pinggang), penyakit Kawasaki (menyebabkan radang saluran darah yang sering menjejaskan jantung), Diabetes Mellitus Jenis 1 (keadaan di mana tubuh gagal untuk menghasilkan insulin), tiroiditis autoimun (keradangan kelenjar tiroid yang boleh menyebabkan hipotiroidisme) serta penyakit sistemik seperti JIA dan SLE.

Di Malaysia, lazimnya JIA dianggarkan sebanyak tiga hingga lima kes bagi setiap 100,000 kanak-kanak, manakala SLE lebih kerap berlaku di Asia Tenggara, dengan kajian menunjukkan ia lebih kerap berlaku dalam kalangan kanak-kanak di negara ini berbanding negara Barat.

Lebih membimbangkan, sehingga 20 peratus kes autoimun kanak-kanak di Malaysia mengalami komplikasi teruk kerana lambat dikesan.



RUAM yang timbul pada kulit si kecil dalam jangka masa panjang dan tidak diketahui punca perlu diberi perhatian. - GAMBAR HIASAN.



KEADAAN tangan pesakit yang mengalami gejala Kawasaki.

Justeru, ibu bapa perlu memerhatikan sebarang simptom pelik supaya dirawat daripada peringkat awal.

Antaranya, bengkak sendi, ruam tanpa diketahui punca, keletihan melampau atau kerap demam.

"Sekiranya ada yang tidak kena dan tidak sembuh, jangan biarkan. Bawalah anak berjumpa doktor.

"Bagi anak yang telah didiagnosis dengan penyakit ini, guna bahasa yang bersesuaian dengan usia bagi membantu anak anda memahami apa yang berlaku dalam tubuh mereka.

"Galakkan mereka bertanya soalan dan wujudkan ruang

supaya mereka boleh bercakap dengan bebas tentang ketakutan dan ketidakefahaman yang dirasakan," ujarnya.

GAYA HIDUP AKTIF

Pengurusan simptom seperti kesakitan dan keletihan bukan hanya bergantung kepada ubat-ubatan.

Ibu bapa perlu mewujudkan persekitaran rumah yang kondusif dan teratur selain mengamalkan gaya hidup aktif.

"Simptom berpunca daripada penyakit itu sendiri dan tanpa rawatan yang betul, keadaannya boleh menjadi semakin teruk.

berlebihan. Bagi kanak-kanak yang mempunyai keadaan fotosensitif seperti SLE, perlu mengelakkan pendedahan keterlaluan terhadap matahari.

"Langkah mudah seperti memakai topi, memakai pelindung matahari atau menggunakan pakaian berlebaran panjang boleh mengelakkan kemerahan," tambahnya.

TANGANI PERSEPSI

Melihat sejumlah ubat yang banyak dalam tempoh rawatan sudah tentu menggusarkan hati kebanyakan ibu bapa.

Namun, ia tidak sepatutnya menjadi penghalang untuk meneruskan rawatan terhadap si kecil.

"Sekiranya ibu bapa meragui rawatan atau berkata 'terlalu banyak ubat tidak baik untuk badan,' ia boleh menyemai rasa takut dan penolakan dalam diri kanak-kanak.

"Pemikiran ibu bapa haruslah selari dengan pelan rawatan dan menunjukkan sikap yang positif," katanya. Selain itu, komunikasi dengan guru juga penting bagi memastikan pesakit dapat menjalankan rutin harian dengan baik di sekolah. "Keletihan, sakit sendi atau kerap menghadiri janji temu perubatan boleh menyebabkan mereka ketinggalan dalam pelajaran dan menghadapi kesukaran.

"Komunikasi yang baik dengan guru sememangnya penting. Jelaskan keperluan anak anda dan bekerjasama untuk membuat penyesuaian yang perlu. Ini termasuk tempat duduk yang ergonomik, masa tambahan semasa peperiksaan serta perubahan dalam penyertaan pendidikan jasmani," katanya.

Ibu bapa juga harus mendapatkan sokongan praktikal seperti memindahkan kelas ke tingkat bawah atau memohon kebenaran untuk memberikan ubat semasa waktu persekolahan.

Matlamatnya adalah untuk membantu anak menyesuaikan diri dengan baik tanpa menarik perhatian yang tidak perlu terhadap keadaannya.

Paling penting, teruskan rawatan dan sokongan untuk penyembuhan segera.

SIMPtom AWAL PENYAKIT AUTOIMUN:

- » Bengkak pada sendi.
- » Muncul ruam di beberapa kawasan kulit tanpa diketahui punca.
- » Anak alami keletihan melampau walaupun tanpa melakukan aktiviti fizikal.
- » Anak kerap demam.

"Mitos kata tidak boleh aktif. Tiada larangan untuk melakukan senaman, ia sememangnya bermanfaat. Aktiviti seperti berenang atau regangan boleh menambah baik kekuatan dan fleksibiliti otot malah meningkatkan mood dengan pembebasan endorfin," katanya.

Rutin tidur yang baik merupakan satu lagi faktor penjagaan yang penting.

Pastikan anak tidak terlalu lama bermain telefon bimbit atau menonton televisyen bagi mengelakkan mereka terlajak waktu tidur.

Waktu tidur yang baik membantu meningkatkan kesihatan dan tenaga secara keseluruhan.

Meskipun tiada diet khusus yang terbukti boleh mencetus atau menyembuhkan penyakit autoimun, namun pesakit disarankan mengamalkan diet berkhasiat yang bebas daripada makanan proses